

Bunga ganja lebih RM10 juta dirampas

Ditemui dalam beg ditinggalkan di Zon Bebas, Rantau Panjang

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU



abatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas enam beg disyaki mengandungi bunga ganja ditinggalkan di Zon Bebas, dengan nilai rampasan melebihi RM10.1 juta

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, dua rampasan berasingan dilakukan pada 23 April lalu dan tiga individu termasuk dua wanita ditahan.

Menurutnya, rampasan pertama dilakukan selepas pemeriksaan ke atas tiga beg yang ditinggalkan di Pintu 1, Zon

Bebas, Rantau Panjang, kira-kira jam 10.30 pagi.

"Pemeriksaan mendapati kesemua beg itu mengandungi 88 paket plastik lut sinar yang disyaki bahan terlarang itu.

"Pada masa sama, pegawai Kastam memeriksa seorang wanita yang membongkang motosikal bersama beg dibawa melalui pintu 1, Zon Bebas, Rantau Panjang dan menemui 32 paket plastik lut sinar disyaki bahan sama," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, wanita terbabit dan kesemua beg dirampas dihantar ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan, Rantau Panjang untuk siasatan lanjut.

Wan Jamal Abdul Salam berkata, susulan penahanan itu, anggota Cawangan Penguatkuasaan, Rantau Panjang membuat pemeriksaan di henti-bas ekspres, kira-kira jam 11 pagi.

"Dua lagi beg mengandungi 60 paket plastik lut sinar yang juga disyaki bunga ganja dirampas dan dua suspek ditahan iaitu seorang lelaki dan wanita," ujar beliau.



Wan Jamal Abdul Salam (tengah) menunjukkan beg-beg disyaki mengandungi bunga ganja yang dirampas di Rantau Panjang.

Menurutnya, penyeludup dikesan menggunakan pangkalan haram di sempadan sungai Golok dan melalui Zon

Bebas, Rantau Panjang.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.